



**Kepada Ketua Jabatan Negeri,
PULAU PINANG.**

SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 3 TAHUN 2018

KUASA UNTUK MENANDATANGANI KONTRAK BAGI PIHAK KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pemberian kuasa oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk menandatangani kontrak Kerajaan bagi pihak Kerajaan Negeri mengikut seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak-1973) serta tatacara penyediaan dokumen kontrak.

LATAR BELAKANG

2. YAB Ketua Menteri Pulau Pinang melalui suratcara bertarikh 6 April 2018 telah memberi kuasa di bawah seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak-1973) kepada pegawai-pegawai kerajaan yang disebutkan jawatannya untuk menandatangani semua jenis kontrak yang disediakan oleh jabatan masing-masing bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, mengikut had harga kontrak yang ditetapkan seperti di dalam Jadual 1-Had Kuasa Pegawai dan Nilai Kontrak.

Jadual 1 - Had Kuasa Pegawai dan Nilai Kontrak

BIL.	PEGAWAI YANG DIBERIKUASA	NILAI KONTRAK (TIDAK MELEBIHI) (RM)
i.	YB Setiausaha Kerajaan Negeri	50,000,000.00
ii.	YB Pegawai Kewangan Negeri	20,000,000.00
iii.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	
	a. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)	5,000,000.00
	b. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)	5,000,000.00
	c. Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Khidmat Pengurusan)	100,000.00
	d. Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Perumahan)	100,000.00
iv.	Jabatan Kewangan Negeri	
	a. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri	2,000,000.00
	b. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan)	100,000.00
v.	Jabatan Kerja Raya	
	a. Pengarah	2,000,000.00
	b. Jurutera Awam Penguasa (Jalan)	1,000,000.00
	c. Jurutera Daerah	500,000.00
vi.	Jabatan Pengairan dan Saliran	
	a. Pengarah	2,000,000.00
	b. Timbalan Pengarah 1	1,000,000.00
	c. Jurutera Daerah	500,000.00
vii.	Jabatan Pertanian Negeri	
	a. Pengarah	200,000.00
viii.	Pejabat Tanah dan Galian	
	a. Pengarah	200,000.00

BIL.	PEGAWAI YANG DIBERIKUASA	NILAI KONTRAK (TIDAK MELEBIHI) (RM)
ix.	Pejabat Daerah dan Tanah a. Pegawai Daerah	200,000.00
x.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar a. Pengarah	200,000.00
xi.	Jabatan Perhutanan Negeri a. Pengarah	200,000.00
xii.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa a. Pengarah	200,000.00
xiii.	Jabatan Kebajikan Masyarakat a. Pengarah	200,000.00
xiv.	Jabatan Taman Botani a. Pengarah	200,000.00
xv.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam a. Pengarah	200,000.00
xvi.	Jabatan Mufti Negeri a. Mufti Kerajaan Negeri	200,000.00
xvii.	Jabatan Kehakiman Syariah a. Ketua Hakim Syarie	200,000.00

PELAKSANAAN

3. Penyediaan semua jenis dokumen kontrak oleh jabatan-jabatan hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan 204 dan 205. Pegawai-pegawai yang diberi kuasa menandatangani dokumen kontrak juga adalah bertanggungjawab memastikan tatacara pengurusan perolehan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dalam melaksanakan semua jenis kontrak kerajaan adalah dipatuhi sepenuhnya sebelum ianya ditandatangani untuk melindungi kepentingan Kerajaan Negeri.

4. Jabatan-jabatan yang menguruskan kontrak yang melebihi had nilai kontrak yang ditetapkan seperti jadual di atas hendaklah mengemukakan dokumen kontrak tersebut yang telah disemak oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri kepada Jabatan Kewangan Negeri dalam tempoh tidak melebihi empat belas (14) hari daripada tarikh dokumen kontrak ditandatangani oleh pihak syarikat.

TARIKH KUATKUASA

5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 6 April 2018 iaitu pada tarikh suratcara ini ditandatangani oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak-1973).


PEMBATALAN

6. Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 13 Tahun 2008 dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(DATO' SARUL BAHYAH BIN HAJI ABU)
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 18 April 2018

s.k. : YAB Ketua Menteri
Pulau Pinang.

YB Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang.